

Penyangak Muda Cemarkan Imej PLKN

Lapan kes pergaduhan dan satu kes rogol yang didedahkan menerusi media massa memalitkan imej negatif terhadap PLKN. Apakah ada dalang di sebalik kejadian buruk itu? Apakah penyelesaian terbaik untuk menanganinya?

TANGGAL 1 Mei 2004, berakhirlah Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang bermula di seluruh negara sejak tiga bulan lalu. Seramai 85,000 daripada keseluruhan 450,000 belia dipilih mengikuti program julung kali yang diadakan serentak di 41 buah kem dan semua kampus institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Barangkali ramai terlupa bahawa PLKN sebenarnya bermula hasil cetusan idea bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Ketika bersoal jawab dengan para peserta Kongres Patriotisme Negara selama tiga hari yang berakhir pada 26 Oktober 2002, beliau membayangkan kewujudan satu program khas untuk lekatan sekolah ala kerajaan remaja.

Namun, nama program tersebut yang bermatlamat untuk menangani gejala sosial di kalangan remaja yang berleluasa waktu itu kemudian diubah kepada PLKN. Bagaimanapun, objektif asalnya bagi membentuk semangat patriotik dan memupuk perpaduan antara kaum tetap tidak berubah meskipun ada juga diselitkan sedikit modul latihan ketenteraan.

Malangnya, setelah diwartakan di Parlimen sebagai Akta Khidmat Negara pada 7 Julai 2003, PLKN dipandang dengan penuh kecurigaan di peringkat awal lagi. Sehingga lah terdetus kekecohan yang melibatkan penyertaan kumpulan pertama seramai 26,000 peserta pada 16 Februari 2004. Pihak yang menentang PLKN semacam 'galak' bersuara mengkritik kerajaan.

Ibu bapa juga tidak ketinggalan 'campur tangan'. Khasnya bagi yang tiada pengalaman dalam mengurus anak-anak di sekolah berasrama. Situasi agak kelam-kabut pada hari pertama kerana kekeliruan penyelarasan dari segi logistik. Ia menjadi bahan untuk menghentam pihak penganjur terutama Kementerian Pertahanan yang dikatakan tiada perediaan. Ia didakwa tidak membuat 'kerja

rumah' yang rapi.


Selepas itu suasana kembali tenang. Tetapi masih ada lagi kedengaran suara-suara sinis khususnya pihak pembangkang yang mendakwa PLKN sebagai medium indoktrinasi politik kerajaan. "Saya tidak faham dengan tuduhan ini kerana remaja terbabit pun baru berusia 17 tahun dan belum lagi layak mengundi," kata aktivis sosial, Tan Sri Lee Lam Thye dalam nada kesal ketika isu itu ditimbulkan.

"Mungkin mereka yang mengkritik terpengaruh dengan pengalaman sebelum ini menerusi ribuan kursus bina negara kendalian Biro Tata Negara (BTN). Kononnya PLKN dibuat kerana ramai remaja bersikap antikeraajaan semasa pilihan raya 1999. Tapi PLKN dan program BTN jauh berbeza. Hal ini jelas dan kerajaan tiada niat tersirat lain," kata ahli Majlis PLKN itu.

Keadaan sunyi daripada masalah tidak bertahan lama. Lapan kes pergaduhan dan satu kes rogol memalitkan peserta PKLN didedahkan melalui media massa kembali mengejutkan pelbagai pihak apatah lagi ibu bapa para peserta. Secara kebetulan, semua kejadian itu muncul semacam serentak dengan musim insiden samseng di sekolah sehingga membawa ke tahap kes bunuh.

Ada yang menganggap kes-kes pergaduhan antara peserta PLKN sebagai amat serius lalu menyarankan agar program itu dimansuhkan. Pihak pembangkang seperti biasa mendakwa kewujudan kes salah laku itu sudah diduga awal kerana pengurusan PLKN membiarkan percampuran bebas tanpa kawalan antara peserta atau sesama jurulatih.

"Saya ada menerima banyak aduan dan terserempak menyaksikan sendiri pergaulan lelaki dan perempuan gagal dibendung semasa modul latihan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),"



kata Dr. Shafie Abu Bakar, bekas ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Kajang daripada parti Pas dalam laman web parti pembangkang itu, baru-baru ini.

Pandangan beliau itu boleh dipertikaikan kerana tinjauan rambang penulis yang memasuki kampus UKM sama ada pada sebelah siang dan malam tidak pula melihat pergaulan bebas itu berlaku. Bahkan para peserta yang ditemui jelas menafikan tohmahan serong dan tidak berasas ahli politik Pas itu.

Lebih menarik, berdasarkan perbualan rawak penulis dengan beberapa petugas PLKN, mereka mendedahkan ada kemungkinan semua kes pergaduhan di PKLN seperti dirancang pihak luar dari awal. Ini ditambah pula dengan penyebaran khabar angin menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) hasil kelonggaran yang diberikan kepada para peserta untuk membawa masuk telefon bimbit ke dalam kem.

"Jika dilihat alasan pergaduhan semuanya adalah remeh-temeh dan tidak masuk akal. Kecuali sudah dirancang awal, ada kebarangkalian pihak tertentu sengaja adakan pergaduhan untuk mensabotaj PLKN agar program ini dili-

Ibu Bapa Puncak Masalah PLKN

SEORANG pensyarah psikologi menyifatkan masalah pergaduhan yang timbul antara para peserta dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) akhir-akhir ini sebagai kegagalan ibu bapa mendidik anak-anak mereka sendiri. Latar belakang peserta yang pelbagai termasuk remaja bermasalah sebetulnya bukan faktor utama permasalahan itu.

"Sebanyak 10,000 peserta gagal menghadiri PLKN berbanding 75,000 sahaja yang sedia berkorban. Takkan itu pun salah PLKN juga," kata Prof. Dr. Suradi Salim dari Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling Universiti Malaya kepada MASSA.

Beliau yang juga Presiden Persatuan Kaunselor Malaysia (Perkama) meminta ibu bapa bermuhasabah dan tidak menyalahkan pihak berkuasa apabila sesuatu masalah timbul. "Ibu bapa cepat melenting jika anak mereka yang ponteng sekolah ditahan polis, tetapi mereka juga salahkan polis jika anak sendiri bergaduh dan polis lambat bertindak," ujar beliau.

PLKN, menurut Dr. Suradi, hanyalah instrumen bagi membentuk keperibadian remaja. Sebelum ini masyarakat sering didedahkan dengan gejala lepak lepasan sekolah termasuk ada yang terjebak dalam kancang jenayah. "Mendakwa kononnya PLKN wajar dimansuhkan cuma kerana timbul kes pergaduhan bukan sahaja tidak logik, tetapi agak melucukan," tambah beliau.

Bagaimanapun, semua pihak harus memainkan peranan yang sama untuk memperbetulkan keadaan kerana masalah remaja sebenarnya adalah gambaran kepincangan institusi kemasyarakatan itu sendiri.


"Ibu bapa hari ini lebih sibuk dengan kerjaya dan kurang beri perhatian kepada perkembangan anak-anak kecuali peperiksaan. Inilah masalahnya," jelas Dr. Suradi. □

disiarkan *Mingguan Malaysia* pada 25 April lalu. Beliau hairan melihat fenomena pergaduhan itu berlaku cuma selepas pilihan raya dan seperti ada 'tangan luar' sebagai punca.

"Peningkatan kes jenayah dan budaya samseng mula kelihatan selepas 21 Mac. Ada peserta bertindak hasut para peserta lain untuk adakan rusuhan," tambah Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) itu. Pada masa yang sama parti pembangkang dilihat cuba menjuarai isu

PLKN dan nada mereka agak misteri, semacam ada udang di sebalik batu.

Walau apa pun, kejayaan dan kelemahan PLKN edisi pertama patut dijadikan pengajaran kerana ini merupakan program nasional. Jaminan kerajaan untuk memperbaiki kepincangan PLKN wajar disambut baik. Jangan sekadar tahu mengkritik/membuta tuli tanpa ada sebarang idea membina demi kebaikan generasi muda bakal pewaris kepimpinan negara. □




Campur tangan pihak luar menghuru-harakan PLKN secara terancang boleh mengancam masa depan program tersebut.

hat dengan penuh prasangka. Akhirnya PLKN pasti dapat ditamatkan terus selepas ini," ujar seorang pegawai yang enggan namanya disiarkan.

Menurut beliau, kes-kes pertengkarannya itu pula didapati muncul mendadak sebaik sahaja selesai pilihan raya umum pada 21 Mac lalu. Perlu diingat, ada 1,500 peserta daripada Dewan Pemuda Pas diserap secara senyap-senyap ke dalam PLKN kononnya bagi memantau dan memastikan program tersebut tidak dipengaruhi dengan fahaman kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Mereka bebas menghasut peserta lain dengan ideologi Pas. Malangnya tindakan ini gagal dan kita berjaya mengawalinya. Justeru selepas BN menang besar dalam pilihan raya 21 Mac lalu, mereka pun cetuskan huru-hara. Bayangkan mereka beria-ria mahu ia dimansuhkan sebab ada lebih 500,000 lepasan PLKN berpotensi jadi pengundi dalam pilihan raya ke-12 pada 2009 nanti," tambah pegawai itu.

Pandangan pegawai tersebut mungkin berbau peribadi tetapi perkara itu turut disahkan sendiri oleh Pengerusi Majlis PLKN, Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Basri dalam artikel beliau yang



Apakah pengorbanan di PLKN ini tidak membawa apa-apa makna kepada anak muda Malaysia?